



Datuk Dr Yusof Ismail dilantik ketua pengarah Mampu

Assistant Editor April 22, 2020 0



Datuk Dr Yusof Ismail dilantik sebagai Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) berkuatkuasa hari ini, demikian diumumkan oleh Ketua Setiausaha Negara Datuk Seri Mohd Zuki Ali.

Yusof, 58, berkhidmat dengan perkhidmatan awam selama 32 tahun dengan jawatan pertama yang disandanginya sebagai Penolong Setiausaha, Bahagian Ekonomi di Kementerian Kewangan pada 12 Jan, 1988.

Mohd Zuki dalam kenyataan hari ini berkata, Yusof berpengalaman luas dalam pelbagai bidang termasuk kewangan, pelaburan strategik dan ekonomi.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Transformasi dan Pemodenan Pengurusan) MAMPU, serta pernah menjawat jawatan sebagai Setiausaha Bahagian (Bahagian Pelaburan Strategik), Kementerian Kewangan.

"Semoga dengan pelantikan ini, kecekapan dan keberkesanan MAMPU melaksanakan transformasi kerajaan digital ke arah penawaran perkhidmatan yang berpaksikan rakyat diperkasakan," kata Mohd Zuki.

Yusof menggantikan Datuk Dr Mazlan Yusoff yang telah dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi berkuatkuasa pada 23 Mac lepas.

-Bernama

BLOG ARCHIVE

Blog Archive

TOP LIST...

Pemulangan wang 1MDB menunjukkan dakwaan PH bohong dan duit takkan hilang!
April 17, 2020 16

Tanda-tanda nak retak lagi PKR, Ahli majlis pimpinan Wanita PKR persoal pemecatan ahli
April 16, 2020 3

Macai PH tak ada isu semua perkara nak jadikan isu!
April 12, 2020 28

You jangan main-main dengan i. You tak kenal siapa i
April 12, 2020 9